

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Diwakili oleh;

XXXXX

Sempena

MAJLIS APRESIASI 'FBM JEWEL

IN THE CROWN' 2023

DAN MAJLIS PERTUKARAN MoA/MoU FAKULTI

PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

4 DISEMBER 2023 | ISNIN

HOTEL UiTM SHAH ALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib**
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Firdaus Abdullah**
Dekan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
- Barisan Pengurusan Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
- Barisan Profesor Adjung, Rakan Strategik dari Industri
- Warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan para hadirin sekalian.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia

MADANI.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam **Majlis Apresiasi 'FBM Jewel In The Crown' 2023 dan Majlis Pertukaran MoA/MoU Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.**

2. Saya mewakili Lembaga Pengarah UiTM, merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua terutamanya, atas sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan di UiTM.

3. Sekalung penghargaan dan selamat datang juga diucapkan kepada rakan-rakan industri yang bersama-sama kita pada hari ini.

4. Usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan, secara langsung dan tidak langsung telah membantu dalam kelestarian universiti ini. Komitmen yang diberikan kepada UiTM, bakal memacu masa depan generasi bumiputera yang cemerlang. Sama-sama kita meneruskan bakti ini dengan mengamalkan nilai-nilai kolektif Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah Universiti yang dikenali dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sebagai sebuah institusi terbesar di Malaysia, UiTM memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai platform percambahan ilmu menerusi pengajaran dan

pembelajaran yang berasaskan keperluan semasa.

6. Oleh itu, adalah penting untuk kita memperkasa hubungan kerjasama antara universiti luar negara dari segi reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penyelidikan serta pembangunan pendidikan yang berterusan ke arah melahirkan graduan profesional berkualiti.

7. Kerjasama antara UiTM bersama enam rakan industri pada hari ini iaitu **Boardroom Outsource Services Sdn Bhd, Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd, Pearson Malaysia Sdn Bhd, Petro Teguh (M) Sdn Bhd, Alfa Destination Marketing PVT LTD dan Federation of Malaysian Manufacturers, Selangor & Kuala Lumpur** adalah satu contoh

bagaimana libat sama antara universiti dan pihak industri dapat dijalankan dengan berkesan bagi memenuhi keperluan komuniti demi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.

8. Saya berharap dengan jalinan yang terbina, hubungan kerjasama sedia ada dapat diperkukuhkan lagi dan akan membuka peluang baharu demi memartabatkan pemerksaan komuniti dan pembinaan kapasiti kesedaran, pengetahuan dan kemahiran ke tahap yang lebih baik.

9. Pada kesempatan, syabas dan terima kasih juga diucapkan kepada **Dekan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Prof. Dr. Firdaus Abdullah** yang telah memacu Fakulti ini dengan baik. Terima kasih dan

syabas kepada jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan perjanjian persefahaman dan majlis hari ini terlaksana.

10. Dengan lafaz "***Bismillahi Rahmanirr Rahim***" saya dengan ini merasmikan **Majlis Apresiasi 'Fbm Jewel In The Crown' 2023** dan **Majlis Pertukaran Moa/Mou Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan.**

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah

wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.